

TIPS WARDROBE WANITA MUSLIMAH

Oleh: Nurin Nazifa binti Azman, 1171121,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 19 Ogos 2020



Wanita dan kecantikan memang tidak dapat dipisahkan. Setiap wanita mempunyai keinginan untuk menghias diri supaya kelihatan lebih kemas, cantik dan yang paling penting, dapat meningkatkan keyakinan apabila berhadapan dengan orang ramai.

Perkara ini tidak salah untuk dilakukan oleh wanita Muslimah selagi cara mereka berpakaian tidak melanggar hukum agama. Namun, ramai yang salah sangka apabila menganggap wanita bertudung tidak boleh mengikut fesyen.

Trend *wardrobe* mula tular dalam media sosial terutamanya YouTube. Ada sahaja perkongsian selebriti-selebriti YouTube atau artis-artis luar negara mengenai *wardrobe* mereka atau jenis pakaian yang mereka gayakan ketika keluar.

Wanita Muslimah juga mempunyai tips pemilihan pakaian yang khusus seperti yang ditetapkan oleh syarak.

Apa yang wanita Muslimah perlu sediakan dalam *wardrobe* mereka adalah koleksi pakaian yang selesa, tidak terlalu menonjol dan yang penting, kainnya tidak jarang.

Wanita Muslimah boleh mengikut pelbagai fesyen terkini selagi tidak melanggar perintah syariat dan digalakkan berterampil sederhana dan tidak *tabarruj*.

Lebih baik jika wanita Muslimah bersederhana dalam memilih pakaian dan berhias supaya tidak membazir wang.



Selain itu, mereka hendaklah memilih pakaian yang menutup aurat dan longgar. Warna dan gaya pula boleh mengikut minat dan kesesuaian masing-masing.

Boleh sahaja menggayakan pakaian dengan menambah aksesori seperti tali pinggang tetapi pastikan tidak terlalu ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh.

Wanita Muslimah juga boleh menggayakan pakaian yang longgar seperti baju kemeja, baju Muslimah, kardigan labuh, tunik atau blouse yang boleh dipadankan dengan kain atau seluar. Berpakaian longgar pun boleh nampak cantik.

Seperti firman Allah dalam ayat 31, surah an-Nur yang bermaksud, “Janganlah mereka (wanita beriman) memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya. Dan

hendaklah mereka melabuhkan tudung kepala ke paras dada mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, bapa mereka atau bapa mertua mereka.”

Jelaslah dalam ayat al-Quran ini, Allah SWT memerintahkan supaya wanita menjaga aurat mereka dengan baik dan dipelihara dari pandangan lelaki ajnabi.

Walaupun wanita Muslimah boleh mengikut pelbagai fesyen terkini tetapi mereka dilarang sama sekali berpakaian seperti lelaki.

Menurut riwayat Abu Daud, daripada Abu Hurairah, beliau berkata “Rasulullah melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki”.

Adalah lebih cantik dan lebih manis menggayakan penampilan yang dihaskan untuk wanita. Bersesuaian dengan sifat wanita Muslimah yang ayu dan bersopan santun.

Agama bukan penghalang untuk berfesyen dan pada masa yang sama, kita tidak boleh menjadi hamba fesyen.

Setiap perkara yang kita lakukan termasuk dari segi fesyen mesti mematuhi hukum yang ditetapkan dalam Islam.

Sememangnya amat penting bagi mereka sentiasa menjaga cara berpakaian agar bukan sahaja kelihatan menarik malah bersesuaian dengan keperibadian wanita Muslimah.